Danaharta Managers Sdn Bhd lwn Yew Wan Leong

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — GUAMAN SIVIL NO 29–1181 TAHUN 2007
HASSAN AB RAHMAN PK
29 FEBRUARI 2012

Kebankrapan — Pengetepian — Permohonan untuk mengetepikan — Petisyen pemiutang — Sama ada jumlah hutang dituntut adalah salah — Sama ada faedah dituntut adalah melampau — Petisyen tidak mengekshibitkan salinan penghakiman — Butir-butir hutang dalam petisyen tidak jelas — Sama ada petisyen boleh difailkan selepas tempoh enam tahun dari penghakiman — Sama ada perbuatan kebankrapan telah dilakukan — Sama ada petisyen tidak mematuhi prosedur — Sama ada substantial injustice disebabkan terhadap penghutang — Akta Kebankrapan 1967 s 6(3)

Responden/penghutang penghakiman ('JD') telah membawa rayuan ini terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang menolak permohonan JD untuk menentang petisyen pemiutang yang difailkan oleh perayu/pemiutang penghakiman ('JC'). Alasan JD dalam menentang petisyen tersebut adalah bahawa jumlah hutang yang dituntut adalah salah dan faedah yang dituntut oleh JC adalah melampau. JC telah memfailkan petisyen tersebut pada 23 September 2008 tanpa mengekshibitkan salinan penghakiman yang berkenaan. Kenyataan di dalam petisyen tidak jelas dari segi tarikh penghakiman sama ada bertarikh 7 Mei 1998 atau 15 Mei 2002. Jika berdasarkan peghakiman pada 7 Mei 1998, maka petisyen tersebut difailkan sepuluh tahun empat bulan dari tarikh penghakiman. Jika dikira dari 15 Mei 2002, selang masa antara tarikh penghakiman dengan tarikh pemfailan petisyen adalah enam tahun empat bulan. Isu-isu yang berbangkit untuk diputuskan adalah: (i) sama ada JC boleh menuntut wang penghakiman dengan memfailkan petisyen selepas tempoh enam tahun; (ii) sama ada kenyataan mengenai butir-butir hutang tidak jelas; dan (iii) sama ada JD telah melakukan perbuatan kebangkrapan.

Diputuskan, membenarkan rayuan JD dengan kos:

(1) Kegagalan JC mengekshibitkan salinan penghakiman bersih yang menjadi asas tuntutan JC adalah 'fatal' kerana dengan adanya kenyataan mengenai butir-butir hutang yang tidak jelas dan mengelirukan dalam petisyen pemiutang, mahkamah tidak berpuashati dengan bukti yang cuba ditunjukkan oleh JC. Ini selaras dengan kehendak s 6(3) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta tersebut') (lihat perenggan 9).

(2) JC gagal memuaskan mahkamah mengenai tarikh yang spesifik

penghakiman yang menjadi asas kepada tindakan pelaksanaan ini. Dengan kegagalan ini, petisyen pemiutang tidak wajar dilayan dan didapati tidak sah dan dengan itu tidak boleh dibuat pergantungan kerana cacat dan tidak mempunyai kesan undang-undang; *Stephen Wong Leong Kiong v HSBC Bank Malaysia Bhd (formerly known as Hong Kong Bank (M) Bhd)* [2011] 4 MLJ 207 dirujuk (lihat perenggan 10).

(3) Penekanan perlu diberikan kepada pematuhan kepada peruntukan s 6(3) Akta tersebut yang memerlukan kepuasan hati mahkamah mengenai fakta keberhutangan JD sebelum permohonan dapat dibenarkan (lihat perenggan 11).

(4) Pengenaan faedah oleh JC terhadap JD yang dikira sejak lebih enam tahun atau sepuluh tahun yang lalu jelas melanggar s 6(3) (bahagian kedua) Akta Had Masa 1953 yang melarang tuntutan faedah atas wang penghakiman yang melebihi enam tahun dari pada tarikh terakru. Maka, petisyen tersebut tidak mempunyai kesan undang-undang dan adalah batal; *Re Mohd Tajuddin Mohd Jali, Ex P Perwira Habib Bank (M) Bhd* [2000] 5 MLJ 458 dirujuk; *Re Ngan Ching Wen, ex P Moscow Narodnay Bank Ltd* [1995] MLJU 159; [1995] 2 CLJ 943 dirujuk (lihat perenggan 13–14).

(5) Petisyen pemiutang yang tidak mematuhi prosedur akan menyebabkan suatu *substantial injustice* terhadap JD (lihat perenggan 18).

[English summary

The respondent/judgment debtor ('JD') brought this appeal against the decision of the senior assistant registrar who dismissed the JD's application to oppose the creditor's petition filed by the appellant/judgment creditor ('JC'). The grounds given by the JD in the opposition of the petition was that the amount of debt claimed was wrong and the interest claimed by the JC was excessive. The JC had filed the petition on 23 September 2008 without exhibiting the copy of the relevant judgment. The statement in the petition was unclear on the date of judgment as to whether it was dated 7 May 1998 or 15 May 2002. If it was based on 7 May 1998, then the petition was filed ten years and four months from the date of judgment. If calculated from 15 May 2002, the difference of time between the date of judgment and the date of the filing of the petition was six years and four months. The issues raised for determination were: (i) whether the JC could claim the judgment debt by filing the petition after the period of six years; (ii) whether the statement as to the details of the debt was unclear; and (iii) whether the JD had committed the act of bankruptcy.

Held, allowing the JD's appeal with costs:

(1) The failure by the JC in exhibiting the copy of fair judgment which was the basis of the JC's claim was fatal, as the statement of the details of the

debt being unclear and confusing in the creditor's petition, the court was not satisfied with the proof that was attempted to be shown by the JC. This was in line with the requirement of s 6(3) of the Bankruptcy Act 1967 ('the Act') (see para 9).

(2) The JC had failed to satisfy the court on the specific date of the judgment which was the basis of this executory action. With the failure, the creditor's petition ought not to be entertained and was found to be unlawful and thereby could not be relied on as it was irregular and did not have effect in law; *Stephen Wong Leong Kiong v HSBC Bank Malaysia Bhd (formerly known as Hong Kong Bank (M) Bhd)* [2011] 4 MLJ 207 referred (see para 10).

(3) The emphasis must be given to the compliance with the provision of s 6(3) of the the Act which required the court's satisfaction as to the fact of the JD's indebtedness before the application could be allowed (see para 11).

(4) The imposition of interest by the JC on the JD which was calculated since more than past six years or ten years clearly contravened s 6(3) (second limb) of the Limitation Act 1953 which prohibits claim for interest on the judgment debt which was more than six years from the date of accrual. Thus, the petition had no effect in law and was void; *Re Mohd Tajuddin Mohd Jali, Ex P Perwira Habib Bank (M) Bhd* [2000] 5 MLJ 458 referred; *Re Ngan Ching Wen, ex P Moscow Narodnay Bank Ltd* [1995] MLJU 159; [1996] 2 CLJ 943 referred (see paras 13–14).

(5) The creditor's petition which did not comply with the procedure would cause substantial injustice to the JD (see para 18).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk mengetepikan, lihat 1(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 3630–3632.

Kes-kes yang dirujuk

Hamidah bte Abdul Hamid & Anor v Polynesia Offshore Supplies (M) Bhd [1990] 3 MLJ 94, MR (dirujuk)

Low Mun v Chung Khiaw Bank Ltd [1987] CLJ (Rep) 172, MA (dirujuk)

Mohd Tajuddin Mohd Jali, Ex P Perwira Habib Bank (M) Bhd Re [2000] 5 MLJ 458; [2000] 5 CLJ 526, MT (dirujuk)

Ngan Ching Wen, Ex P Moscow Narodnay Bank Ltd Re [1996] MLJU 159; [1996] 2 CLJ 943, MT (dirujuk)

Stephen Wong Leong Kiong v HSBC Bank Malaysia Bhd (formerly known as Hong Kong Bank (M) Bhd) [2011] 4 MLJ 207, MR (dirujuk)

Wee Chow Yong t/a Vienna Music Centre v Public Finance Bhd [1989] 3 MLJ 508, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk
Akta Had Masa 1953 s 6(3)
Akta Kebankrapan 1967 s 6(3)

(WY Chan & Roy) bagi pihak perayu.
(KS Su & Mah) bagi pihak responden.

Hassan Ab Rahman PK:

LATAR BELAKANG

[1] Ini adalah satu rayuan kepada hakim dalam kamar melalui notis rayuan (lampiran 29) yang difailkan oleh responden/penghutang penghakiman (JD) terhadap keputusan penolong kanan pendaftar (PKP) yang diberikan pada 26 Mei 2011.

[2] Dalam keputusan tersebut PKP menolak dengan kos permohonan JD melalui notis (lampiran 19) untuk menentang petisyen pemiutang (lampiran 10) yang difailkan oleh perayu/pemiutang penghakiman (JC).

[3] Notis lampiran 19 difailkan oleh JD atas alasan bahawa jumlah hutang yang dikatakan ditanggung oleh pihaknya sebanyak yang dituntut (RM738,635.97) setakat 30 November 2007 bersama faedah adalah salah. Selain itu, JD juga mendakwa bahawa faedah yang dituntut oleh JC adalah melampau, keterlaluan dan yang tidak dibenarkan oleh undang-undang.

DAPATAN FAKTA

[4] Berdasarkan kertas-kertas kausa yang berkaitan, mahkamah mendapati JC memfailkan petisyen pemiutang (lampiran 10) pada 23 September 2008 tanpa mengekshibitkan salinan penghakiman. Butir-butir hutang dinyatakan dalam petisyen (di ms 2) seperti berikut:

> Jumlah Penghakiman setakat 7.5.1998 menurut Penghakiman bertarikh 15.5.2002 yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Ipoh, No. Guaman 22-270-1998 RM400,000.00

[5] Kemudian diikuti dengan butir-butir tambahan yang menghasilkan jumlah RM738,635.97 pada 30 November 2007.

[6] Kenyataan yang tidak jelas dari segi tarikh penghakiman sama ada yang

bertarikh 7 Mei 1998 atau 15 Mei 2002 tidak diperjelaskan dengan memfailkan salinan penghakiman mahkamah pada mana-mana tarikh yang disebut.

[7] Jika berdasarkan peghakiman pada 7 Mei 1998, maka didapati JC memfailkan petisyen tersebut selepas sepuluh tahun (sepuluh tahun empat bulan) dari tarikh penghakiman. Maka dengan itu, jumlah yang dituntut yang termasuk faedah yang dikira dari tarikh 8 Mei 1998 hingga 30 November 2007 itu adalah untuk tempoh sembilan tahun lima bulan. Tetapi, jika dikira dari 16 Mei 2002 hingga 23 September 2008, selang masa antara tarikh penghakiman dengan tarikh pemfailan petisyen adalah lebih kurang enam tahun empat bulan.

ISU

[8] Berdasarkan dapatan di atas serta alasan bantahan JD, isu yang perlu di putuskan oleh mahkamah ialah:

(a) sama ada JC masih boleh menuntut wang penghakiman dengan memfailkan petisyen selepas tempoh enam tahun;

(b) adakah dengan kenyataan mengenai butir-butir hutang yang tidak jelas dan boleh mengelirukan itu wajar petisyen ini dibenarkan?; dan

(c) sama ada dengan kegagalan JD membayar hutang penghakiman seperti yang dinyatakan dalam petisyen tersebut, JD boleh dikatakan melakukan perbuatan kebankrapan yang mewajarkan satu perintah penerimaan dikenakan terhadapnya.

DAPATAN UNDANG-UNDANG

[9] Berlatarbelakangkan fakta-fakta yang didapati oleh mahkamah melalui kertas-kertas kausa dan menimbangkan hujahan bertulis peguam kedua-dua pihak, mahkamah mendapati bahawa kegagalan pihak JC mengekshibitkan salinan penghakiman bersih yang menjadi asas tuntutan JC adalah *fatal* kerana dengan adanya kenyataan kenyataan mengenai butir-butir hutang yang tidak jelas dan mengelirukan dalam petisyen pemiutang, mahkamah tidak berpuashati dengan bukti yang cuba ditunjukkan oleh pihak JC. Ini selaras dengan kehendak s 6(3) Akta Kebankrapan 1967 yang berbunyi seperti berikut:

6 Proceedings and order on creditor's petition.

(3) *If the court is not satisfied with the proof of the petitioning creditor's debt or of the act of bankruptcy* or of the service of the petition, or is satisfied by the debtor that he is able to pay his debt, or that for other sufficient cause no order ought to be made, the court may dismiss the petition.

(penekanan ditambah).

[10] Berdasarkan fakta, didapati pihak JC telah gagal memuaskan mahkamah mengenai tarikh yang spesifik penghakiman yang menjadi asas kepada tindakan pelaksanaan oleh JC ini. Dengan kegagalan ini, petisyen pemiutang tidak wajar dilayan dan didapati tidak sah dan dengan itu tidak boleh dibuat pergantungan kerana cacat dan tidak mempunyai kesan undang-undang.

[11] Dalam hal ini, mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam JD yang menyandarkan alasannya kepada nas dalam kes Mahkamah Rayuan *Stephen Wong Leong Kiong v HSBC Bank Malaysia Bhd (formerly known as HongKong Bank (B) Bhd)* [2011] 4 MLJ 207 yang merujuk kes *Hamidah bte Abdul Hamid & Anor v Polynesia Offshore Supplies (M) Bhd* [1990] 3 MLJ 94 yang menjelaskan prinsip bahawa prosiding kebankrapan adalah bersifat 'quasi-panel nature' yang menghendaki keperluan *procedure* dipatuhi dengan ketat. Berdasarkan nas-nas kes tersebut mahkamah mengambil panduan dan memberi penekanan kepada pematuhan kepada peruntukan s 6(3) Akta ini yang memerlukan kepuasan hati mahkamah mengenai fakta keberhutangan JD sebelum permohonan dapat dibenarkan.

[12] Justeru, didapati pihak JC gagal membuktikan tarikh penghakiman yang mana yang hendak mahkamah dasarkan. Oleh kerana penghakiman mahkamah yang merupakan perkara akar umbi kepada tindakan kebankrapan ini tidak berjaya dibuktikan maka adalah wajar pihak JD diberikan haknya untuk mencabar tindakan kebankrapan oleh JC. Dengan itu keputusan PKP menolaknya adalah terkhilaf.

[13] Mengenai isu pengenaan faedah, mahkamah mendapati pengenaan faedah oleh JC terhadap JD yang dikira sejak lebih enam tahun atau sepuluh tahun yang lalu, mahkamah mendapati jelas melanggar s 6(3) (limb kedua) Akta Had Masa 1953 yang melarang tuntutan faedah atas wang penghakiman yang melebihi enam tahun daripada tarikh terakru.

[14] Mahkamah dalam hal ini, sekali lagi bersetuju dengan hujahan Peguam JD bahawa petisyen pemiutang (lampiran 10) adalah tidak mempunyai kesan undang-undang yang dengan itu adalah batal. Nas yang dikemukakan oleh Peguam JD dalam kes *Re Mohd Tajuddin Mohd Jali, Ex P Perwira Habib Bank Bhd* [2000] 5 MLJ 548; [2000] 5 CLJ 526 adalah tepat sekali di mana YA Hakim Low Hop Bing menyatakan seperti berikut:

A … time for the puposes of the limitation period in respect of the arrears of interest in the second limb of s 6(3) would have expired on 31 December 1991. *The bankruptcy notice before me has included a claim on the arrears of interest from 1 January 1986 to 6 December 1993. which is in excess of the six-year period from 1 January 1986 to 31 December 1991 and is therefore in my view bad in law*

B (Penekanan ditambah.)

[15] Begitu juga dengan nas dalam kes *Re Ngan Ching Wen, Ex P Moscow Narodnay Bank Ltd* [1996] MLJU 159; [1996] 2 CLJ 943 yang merujuk kes
C *Wee Chow Yong t/a Vienna Music Centre v Public Finance Bhd* [1989] 3 MLJ 508 yang turut menyentuh mengenai halangan had masa oleh statut. Kenyataan di ms 953 oleh YA James Foong seperti berikut adalah relevan:

D It must be noted that whether the amount is triffle or not, *the law on bankruptcy requires strict interpretation and compliance, and it also depends on the method of how the amount due is stated in the bankruptcy notice*.

(Penekanan ditambah.)

[16] Berkenaan dengan isu sama ada JD telah melakukan perbuatan
E kebankrapan atau tidak, mahkamah berpendapat bahawa kegagalan pihak JC membuktikan keberhutangan JD seperti yang dituntut berdasarkan penghakiman yang tidak dijelaskan dengan meyakinkan mahkamah serta mengenakan faedah yang dikira melebihi had masa enam tahun mahkamah ingin sekali lagi merujuk kes *Re Ngan Ching Wen* di mana hakim yang sama
F menyatakan (yang saya sangat bersetuju) seperti berikut:

G Judging form the allegation of the debtor, it is the opinion of this court that if the debt is statute barred, then no debt is payable immediately or at sometime in the future. Further if such a debt is not enforceable at the time when the bankruptcy notice was issued, then the act of bankruptcy may not have been committed by the debtor.

[17] Seterusnya dalam kes Mahkamah Agung *Low Mun v Chung Khiaw Bank Ltd* [1987] CLJ (Rep) 172 diperhatikan ada kenyataan yang lebih jelas
H mengenai kesan ketidakpatuhan kepada notis yang tidak sah di mana YA Mohd Azmi Hakim Mahkamah Agung (semasa itu) menyatakan pada ms 177:

I … Non-compliance with the terms of the judgment renders the bankruptcy notice invalid and *failure to comply with such a notice is not an act of bankruptcy and bankruptcy petition founded on it must necessarily fail*

[18] Dengan itu, didapati bahawa permohonan bantahan oleh JD di lampiran 19 terhadap petisyen pemiutang lampiran 10 yang tidak mematuhi prosedur akan menyebabkan suatu *substantial injustice* terhadap JD.

[19] Justeru, rayuan JD (lampiran 29) dibenarkan dengan kos dan keputusan PKP pada 26 Mei 2011 dengan itu diketepikan.

Rayuan JD dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Kenesh Sundrum